

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO- LEUNG
[ALOR SETAR]

SOALAN

Tuan Gooi Hsiao Leung minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab-sebab asas sering berlakunya kekurangan air dan tekanan air rendah yang dihadapi di Kedah, khususnya Alor Setar, dan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu menyelesaikan masalah ini, dalam jangka masa pendek dan panjang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Antara punca kekurangan air dan tekanan rendah di Daerah Alor Setar termasuk:
 - (a) rizab margin yang rendah kerana bekalan air sedia ada digunakan untuk menampung keperluan tambahan sewaktu situasi kritikal seperti kemarau. Ini menyebabkan beberapa loji air beroperasi melebihi kapasiti reka bentuk asal dan memanjangkan tempoh pengoperasian loji dari 20 jam ke 24 jam sehari;
 - (b) permintaan bekalan air yang semakin tinggi disebabkan kepesatan pembangunan projek-projek mega di negeri Kedah seperti Pembangunan Rubber City atau Bandaraya Getah, Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP), Taman Teknologi Kulim (KHTP) dan Ladang Solar; dan
 - (c) paras NRW yang tinggi terutamanya kehilangan fizikal (kebocoran) yang berlaku dalam sistem bekalan air. Kadar NRW di Kedah ialah 46.62% pada tahun 2015 berbanding purata nasional 37%.

2. Bagi meningkatkan kapasiti bekalan air di negeri Kedah, Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) sedang melaksanakan beberapa projek seperti berikut:

(a) pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Kulim Hi-Tech Fasa II (150 juta liter sehari, JLH) bagi kawasan agihan daerah Kulim dan Kuala Muda dan LRA Lubuk Merbau (5 JLH) bagi kawasan agihan Felda Lubuk Merbau dan persekitaran. Kedua-dua projek dijangka siap pada tahun 2017; dan

(b) pembinaan LRA Pokok Sena (30 JLH) bagi kawasan agihan daerah Pokok Sena, Padang Terap & Pendang dan LRA Sungai Limau (18 JLH) bagi kawasan agihan daerah Baling yang dijangka siap pada tahun 2018.

3. Selain itu, beberapa projek baharu diluluskan di bawah RMKe-11 dan pada masa ini masih dalam peringkat kajian iaitu:

(a) pembinaan LRA Pelubang Fasa II (150 JLH) bagi kawasan agihan daerah Kubang Pasu dan Kota Setar;

(b) pembinaan LRA Jenun Baru Tambahan (55 JLH) bagi kawasan agihan daerah Pendang, Yan dan Gurun;

- (c) pembinaan LRA Sungai Petani (181 JLH) bagi kawasan agihan daerah Kuala Muda; dan
- (d) Kajian “Projek Pembangunan Skim Bekalan Air Langkawi” sedang dilaksanakan di bawah peruntukan RMKe-11.

Sekian, terima kasih

.....